

## TEMA DAN PERSOALAN – NOVEL FORMULA TERMODINAMIK

### TEMA

Lengkapkan perenggan di bawah dengan perkataan yang sesuai.

|             |           |          |
|-------------|-----------|----------|
| memotong    | pertanian | membajak |
| Formula Dua | mesin     | remaja   |

Tema novel ini adalah tentang kegigihan dalam mencipta inovasi dalam bidang ..... oleh dua orang ..... . Amir dan Usamah gigih berusaha mencipta inovasi dalam bidang pertanian dengan mengubah suai ..... rumput dengan dua kegunaan iaitu ..... rumput dan ..... sawah dengan menggunakan ..... Hukum Termodinamik.

### PERSOALAN

Kenal pasti persoalan yang sesuai bagi setiap contoh peristiwa yang dinyatakan.

|                                                       |                             |                                    |
|-------------------------------------------------------|-----------------------------|------------------------------------|
| Kasih sayang seorang ibu                              | Sikap iri hati dalam diri   | Tanggungjawab seorang anak         |
| Sikap bersungguh mendapat ganjaran yang menguntungkan | Cinta yang tidak kesampaian | Keinsafan atas perbuatan yang lalu |

| Persoalan | Contoh Peristiwa                                                                                                                                                                                                                    |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           | Aswan begitu iri hati terhadap Amir dan Usamah. Dia juga mahu mengubah suai mesin seperti yang dilakukan oleh Amir dan Usamah agar mendapat nama di hati orang kampung.                                                             |
|           | Cinta Amir terhadap Asma tidak kesampaian apabila dia mendapat tahu bahawa Asma telah ditunangkan dengan Asman abang kepada Aswan.                                                                                                  |
|           | Intan begitu risau akan keselamatan Amir dan Usamah kerana tidak menghubunginya sejak mereka keluar .                                                                                                                               |
|           | Aswan menyesali perbuatannya mengkhianati Amir dan meminta maaf kepada Amir.                                                                                                                                                        |
|           | Walaupun baru pulang dari Manila dan sibuk dengan urusan perniagaan, Damit tetap bersama-sama ibunya di hospital.                                                                                                                   |
|           | Kesungguhan Amir dan Usamah mengubah suai mesin rumput menggunakan Formula Termodinamik telah menyebabkan mereka menerima Anugerah Saintis Muda dan ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. |